

## Perbandingan Pemikiran Ketatanegaraan di Dalam Kitab Salatin *Differentiating State Administrative Thinking in the Book of Salatin*

**Shah Rul Anuar Nordin**

Universiti Tun Husein Onn Malaysia

E-mail: shahrul@uthm.edu.my

### **Abstrak**

Para sarjana telah banyak mengkaji aspek ketatanegaraan daripada pelbagai sudut pandangan dan menerbitkan sejumlah hasil kajian dalam jurnal dan buku mereka. Dalam konteks masyarakat Melayu lama, antara karya terbesar yang membicarakan tentang aspek ketatanegaraan menurut perspektif Islam ialah *Taj al Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*. Justeru, kajian ini cuba untuk mengenalpasti dan membandingkan pemikiran pengarang kitab-kitab tersebut bagi konteks dunia Melayu Islam Nusantara. Metod analisis tematik digunakan untuk meneliti kitab tersebut. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kitab-kitab tersebut dilihat mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan dalam membincangkan idea tentang ketatanegaraan. Ada pemikiran pengarang kitab tersebut yang sama antara satu sama lain dan ada yang berbeza. Perbezaannya tidak ketara malahan amat kecil. Di sini, latarbelakang pengarang, persekitaran dan budaya penulisan di abad ke 17 M pada pendapat pengkaji banyak memberi sumbangan kepada hal tersebut.

**Kata Kunci:** *Pemikiran Melayu; Ketatanegaraan; Melayu; Kitab Salatin*

### **Abstract**

*Scholars have dealt a great deal with aspects of state administration from various perspectives and have published them in*

*journals and books. In the context of the Old Malays, among the most prominent works that have discussed state administration from the Muslim perspective are Taj al-Salatin, Sulalah al-Salatin, and Bustan al-Salatin. This study intends to identify and compare the thoughts of the writers of these treatises within the context of the world of Malay-Muslim Archipelago. This research was done by way of thematic analysis. Research outcome shows that these works, by and large, demonstrate significant similarities more than their differences. Their differences are however not substantial, mainly due to their 17th century background.*

**Keywords:** *Malay Thought; State Administration; Malays; Book of Salatin*

### **Pengenalan**

Aspek pemerintahan dan ketatanegaraan sebuah negara Islam merupakan subjek wacana ilmuan Islam sejak zaman dahulu lagi sehingga ke hari ini. Banyak buku, jurnal dan artikel telah ditulis khusus untuk membahas tentang topik ini. Menurut perspektif Islam, melalui kepimpinan, seseorang pemimpin sesebuah negara itu berupaya untuk membawa rakyatnya mencapai kemajuan atau kemunduran. Peranan ketua negara sangat penting dan ia sudah lama dibahaskan oleh ilmuan Islam seperti al-Mawardi dan al-Ghazali melalui karya tulis mereka. Di Alam Melayu pula, dalam dunia kesusasteraan Melayu Islam tradisional, antara karya terbesar yang

membicarakan tentang ketatanegaraan ialah *Taj al Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*.

Bertitik tolak daripada lanskap di atas, penulisan ini sebenarnya bertujuan untuk mengeluarkan sudut-sudut pemikiran yang digarap oleh pengarang kitab *Taj al Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* dalam konteks bernegara bernuansakan Islam. Metod analisis tematik digunakan untuk meneliti kitab-kitab tersebut. Kajian ini dilihat penting untuk mengenalpasti idea pengarang kitab tersebut dalam aspek ketatanegaraan Islam bagi konteks dunia Melayu Nusantara. Dalam konteks keilmuan, harapan penulis supaya artikel ini dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia khususnya umat Islam. Ini kerana kitab-kitab akan lahir silih berganti tetapi idea pengarangnya yang membawa perubahan yang baik kepada kehidupan masyarakat amat wajar dikaji dan dicontohi.

### Permasalahan Kajian

Di dunia Islam, kebanyakan kitab adab ketatanegaraan muncul kerana berlakunya krisis kepimpinan dan huru-hara pada sesuatu zaman tertentu. Keadaan ini telah mendorong golongan ulama seperti al-Farabi (*Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*), al-Mawardi (*al-Ahkam al-Sultaniyyah*) dan al-Ghazali (*al-Tibr al-Masbuq fi Nasihah al-Muluk*) menulis kitab-kitab mereka. Hasrat mereka hanyalah satu, supaya khalifah mengamalkan konsep keadilan dalam pemerintahan dan membina sebuah empayar Islam yang makmur. Begitulah situasinya di Aceh pada abad ke 17M.

Karya adab ketatanegaraan seperti kitab *Taj al-Salatin* lahir kerana krisis kepimpinan yang berlaku di istana Kesultanan Aceh Dar al-Salam pada akhir abad ke 16M (period

1575-1604). *Taj al-Salatin* menawarkan penyelesaian bagi masalah-masalah seperti perebutan kuasa di kalangan kerabat diraja Aceh, sultan yang zalim, pembunuhan enam orang sultan dan hulubalang yang tamak serta gila kuasa dalam period tersebut. Menurut Abdul Hadi W.M. (2001:121-123), sejarah Kesultanan Aceh Darussalam diwarnai dengan kekejaman apabila Sultan Muda yang baru berumur 4 bulan telah mati dibunuh. Selain itu Sultan Sri Alam (1576), Sultan Zainal Abidin (1577), Sultan Alauddin dari Perak atau Mansur Shah (1577-1586) dibunuh oleh hulubalangnya, Sultan Ali Riayat Shah atau Raja Bujang mangkat dibunuh (1586-1588) dan berlaku perebutan kuasa di period akhir pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) oleh dua orang anak lelaki yang telah menderhakainya.

Mengapa masalah seperti ini berlaku dalam sesebuah kesultanan Islam? Menurut *Taj al-Salatin*, keadaan ini berlaku kerana agama Islam sudah tidak lagi diamalkan oleh para pemimpin negara, golongan bangsawan dan umat Islam. Ini kerana hubungan antara agama dan kerajaan adalah sangat rapat dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Apabila agama Islam tidak diamalkan di dalam urusan kenegaraan maka sifat-sifat dengki, irihati, dendam, sombong, angkuh, riak, takabbur, 'ujub dan gila kuasa akan menular dalam kalangan masyarakat. Kesannya akan wujud ketidakstabilan politik, huru-hara, jenayah dan keganasan yang tiada berpenghujung. Persoalannya di sini, adakah kitab penasihat khalifah yang lain seperti *Bustan al-Salatin* lahir kerana masalah kepemimpinan yang sama? Adakah pemikiran ketatanegaraan kedua-dua kitab tersebut sama atau berbeza? Persoalan ini akan terjawab melalui kajian ini.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis tematik dalam kitab *Taj al-Salatin* serta bab 1 dan 2 dalam kitab *Bustan al-Salatin*.

Berikut adalah prosedur yang dilalui oleh penyelidik dalam menyiapkan kajian ini:

1. Mengumpul data kualitatif iaitu kitab *Taj al-Salatin* (2001) dalam tulisan jawi karangan Bukhari al-Jauhari yang merupakan salinan dari teks asal. Ia telah diselenggarakan oleh Muhammad Haji Salleh. Selain itu, penulis juga akan menggunakan kitab *Taj al-Salatin* dalam tulisan rumi selenggaraan Khalid M. Hussain (1992). Selain itu, kitab *Bustan al-Salatin* bab I, II (2004) dan bab III (2008) yang digunakan dalam penulisan ini adalah selenggaraan Jelani Harun.
2. Gerak kerja dalam menganalisis data adalah dengan membaca kitab kajian, mengelompok subjek kajian berdasarkan tema, membuat perbandingan antara kedua-dua kitab tersebut dan membuat rumusan serta tafsiran.

## Kajian Literatur

Umum mengetahui bahawa kitab *Sulalah al-Salatin* atau *Sejarah Melayu* adalah kitab sejarah yang paling banyak dikaji oleh sarjana dari Timur dan Barat. Banyak ulasan, analisis dan perbandingan tentang *Sulalah al-Salatin* dalam buku dan seminar telah dibuat dengan melihat kepada perspektif yang berbeza-beza. Oleh itu amat sukar untuk memuatkan semua hasil kajian para sarjana tersebut dalam tempat yang terhad ini.

Dalam menyoroti kajian terdahulu, Abdul Wahab Ali (1970:505-514) pernah mengkaji kitab *Sulalah al-Salatin* dan membandingkannya dengan *Hikayat Raja-raja Pasai*. Dalam artikelnya yang bertajuk *Perbezaan antara Sejarah Melayu dengan Hikayat Raja-raja Pasai* beliau hanya menilai beberapa aspek persamaan dan perbezaan kedua-dua kitab tersebut tanpa melihat kepada idea politik di dalamnya. Selain itu, Idris Zakaria (2004:178-191) dalam artikelnya yang bertajuk *Gejala sosial dalam teks Sejarah Melayu* telah menganalisa gejala sosial dan amalan negatif masyarakat Melayu dari perspektif Islam berdasarkan kepada teks tersebut. Kajian ini dilihat amat tersendiri dan berlainan dengan kajian sarjana terdahulu. Beliau menilai amalan negatif yang ada masyarakat Melayu berdasarkan teks tersebut melalui neraca syariah. Walaupun begitu aspek-aspek yang lain seperti nilai sejarah, falsafah, idea politik dan Tasawuf Islam tidak disentuh oleh beliau.

Hussain Othman (2008) dalam bukunya yang bertajuk *Malay Historical Thought* telah mengkaji pemikiran persejarahan masyarakat Melayu berdasarkan tiga buah kitab menggunakan metode analisis isi kandungan iaitu *Sulalah al-Salatin*, *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Melalui hasil kajiannya, beliau dapati bahawa masyarakat Melayu mempunyai pemikiran persejarahan yang sangat unik dan istimewa. Ini kerana setiap kejadian sejarah dipersembahkan kepada pembaca secara simbolik selain mempunyai makna yang tersurat dan tersirat. Artikel Zubir Idris (2011) dalam *Jurnal Melayu* yang bertajuk *Etnosentrisme Melayu dalam Sulalah al-Salatin* telah membincangkan tentang nilai etnosentrisme dalam teks historiografi Melayu tradisional. Etnosentrisme di sini merujuk kepada riak-riak penentangan awal masyarakat peribumi

terhadap penjajah sebelum zaman kolonial. Pembentukan konsep etnosentrisme Melayu itu cuba dikesan oleh Zubir Idris dalam kitab *Sulalah al-Salatin*.

Kajian tentang *Sulalah al-Salatin* juga telah dilakukan oleh beberapa orang penyelidik dan dibentangkan dalam Seminar Memartabatkan Karya Agung 400 tahun *Sulalah al-Salatin* yang telah diadakan pada 13 Oktober 2012 di Kota Tinggi. Antara artikelnya ialah tulisan Muhammad Haji Salleh yang bertajuk *Genius sastera Sulalah al-Salatin, Waad, wasiat dan nasihat dalam Sulalah al-Salatin* oleh Zainal Abidin Borhan, *Tun Sri Lanang dalam sejarah dua bangsa, terungkap setelah 400 tahun* oleh Pocut Haslinda Syahrul Azwar dan *Tun Sri Lanang Seorang Bendahara dan Pujangga Tersohor* oleh Kamdi Kamil.

Wan Mohd Saghir Abdullah (2004:73-80) pernah mengkaji *Taj al-Salatin*. Dalam artikelnya yang bertajuk *Taj al-Salatin kitab peradaban raja-raja dunia Melayu Islam*, beliau telah membincangkan polemik tentang edisi *Taj al-Salatin* dan siapa pengarangnya tanpa mengkaji pemikiran yang cuba dibawa dalam penulisan kitab tersebut. Surianiah Pakih (2004) pula pernah membahaskan tentang konsep politik Islam dalam *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*. Siti Hawa Haji Salleh (2010) menulis sebuah buku bertajuk *Malay Literature of the 19th century*. Dalam bukunya itu, beliau telah menyentuh tentang karya dan pengarang Melayu sebelum abad ke 19M dari aspek sejarah, genre, peranan dan pengaruh karya-karya Melayu lama. Antara yang dibincangkan termasuklah kitab *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* di Aceh tetapi dalam konteksnya sebagai karya sastera.

Pada tahun 2002, Aidil Farina bt. Omar mengkaji metodologi penulisan al-Raniri dalam kitab *Bustan al-Salatin* ini dengan

membandingkannya dengan kitab *Tarikh al-Rusul Wa al-Muluk* karya al-Tabari untuk melihat sejauh mana beliau terpengaruh dengan metodologi penulisan ahli-ahli sejarah Islam yang terdahulu. Kajian peringkat sarjana di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ini berjudul *Shaykh Nur al-Din al-Raniri: A Study Of His Career & Magnum Opus Bustan al-Salatin*. Walaupun begitu, kajiannya ini hanya membincangkan tentang pengaruh dan pemikiran dalam kedua-dua kitab tersebut tanpa membuat perbandingan dengan kitab yang lain.

Jelani Harun (2009) telah menulis sebuah buku bertajuk *Bustan al-Salatin (The Garden of Kings): A Malay Mirror for Rulers* dan diterbitkan oleh Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Buku ini membahaskan tentang kitab *Bustan al-Salatin* secara panjang lebar meliputi perbincangan tentang sejarah dunia di dalam kitab tersebut, adab ketatanegaraan, tentang pengarangnya iaitu Nuruddin al-Raniri, pengaruh yang dibawa oleh *Bustan al-Salatin* dan membandingkannya dengan pengarang kitab adab ketatanegaraan yang lain seperti Raja Ali Haji di Riau.

### **Analisis Dapatan Perbandingan Antara Kitab *Taj al Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin***

Analisis perbandingan pemikiran ketatanegaraan Melayu Islam antara kitab *Taj al Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* dibahagikan kepada 10 tema berikut:

1. Konsep Kepimpinan
2. Konsep Keadilan
3. Kedaulatan
4. Undang-Undang
5. Kuasa
6. Wanita Dalam Politik

7. Wazir Atau Menteri
8. Syarat-Syarat Menjadi Qadi
9. Rakat
10. Hubungan Dengan Kerajaan Luar

### Konsep Kepimpinan

*Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* menyatakan bahawa sultan adalah pemimpin tertinggi dalam sebuah Institusi Kesultanan Islam. Dalam aspek kepimpinan, ketiga-tiga kitab ada memperkatakan tentang hadis yang sama; yang bermaksud:

Setiap kamu adalah pengembala dan setiap pengembala akan ditanya tentang pengembalaannya. Seorang pemimpin adalah pengembala dan beliau akan ditanya tentang rakyatnya, seorang lelaki (suami) adalah pemimpin keluarganya, dan beliau akan ditanya tentang anggota keluarganya, seorang wanita adalah pemimpin di rumah suaminya, dan beliau akan ditanya tentang kepimpinannya, pembantu rumah adalah pemimpin (penjaga) harta-benda tuannya, dan beliau akan ditanya tentang keselamatan harta-benda tersebut.

Raja sebagai pemimpin rakyat jelata diharap dapat memerintah seperti seorang bapa di dalam sebuah keluarga. Bapa seharusnya memberi contoh teladan yang baik kepada isteri dan anaknya. Ini kerana kepimpinan adalah satu amanah dari Penguasa Alam. Seorang raja akan dipertanggungjawabkan

bagi setiap perlakuan dan perbuatannya sebagai pemimpin. Maksud kepimpinan menurut hadis di atas melibatkan semua pihak daripada ketua negara yang memerintah membawa kepada menteri-menteri; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai, ulama-ulama, guru-guru, suami, ketua pertubuhan, penghulu dan lain-lain.

Ketiga-tiga pengarang kitab bersetuju bahawa raja yang berakhlak mulia, jujur dan adil sangat diperlukan untuk menerajui sesebuah negara. Keperluan kepada pemimpin adalah jelas. Tugasnya antara lain adalah untuk menjalankan syariat Allah di muka bumi ini, terutama suruhan-suruhan yang berkaitan dengan tugas penguasa, juga untuk memberi pengarah, menjaga kebajikan dan keselamatan rakyat, mengatur penggunaan sumber, menjalankan usaha untuk kemaslahatan rakyat dan mengelak dari berlakunya pertelingkahan antara mereka. Tentang tugas raja ini, pengkaji dapati tidak terdapat banyak perbezaan antara ketiga-tiga kitab.

Pada prinsipnya, raja sebagai pemimpin tetap tertakluk kepada sifat-sifat mahmudah seperti yang dikehendaki bagi setiap Muslim, seperti sifat amanah, ikhlas, jujur, tekun, dedikasi, rajin, suka beribadat, suka beribadat waktu malam, belas kasihan, tolong menolong, suka berderma, bekerjasama, nasihat menasihati dan pada umumnya menjalankan tugas amar makruf nahi mungkar. Sebaliknya, raja mestilah meninggalkan sifat-sifat buruk yang dibenci oleh syara'.

Jadual 1.1 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang konsep kepimpinan

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Konsep kepimpinan	-kepimpinan adalah amanah	-kepimpinan adalah amanah Allah	-kepimpinan adalah amanah

Allah -pemimpin menentukan halatuju rakyat -pemimpin mesti berakhlak mulia dan tinggalkan hawa nafsu -menjadi “role model”	-“Setiap kamu adalah pengembala dan setiap pengembala akan ditanya tentang pengembalaannya”.	Allah dan akan ditanya di akhirat nanti
--	--	---

Konsep kepemimpinan antara kitab-kitab tersebut tidak banyak berbeza. Konsep kepemimpinan adalah selari dengan anjuran agama Islam. Kepimpinan itu merupakan amanah dari Allah. Dalam sebuah kerajaan, raja bertindak sebagai pemimpin, penaung, penjaga agama dan umat Islam. Walaupun ia menjanjikan kehidupan yang serba mewah kepada penyandanginya, tetapi tugas dan tanggungjawabnya adalah berat.

Ketiga-tiga kitab sepakat bersetuju bahawa melantik pemimpin (sultan) adalah wajib bagi umat Islam dan tujuan melantik raja iaitu untuk memelihara kebajikan umat Islam di dunia dan akhirat. Apabila seseorang pemimpin meninggal dunia, penggantinya akan dilantik sebagai sultan secepat mungkin. Ini dibuktikan dalam sirah Nabi Muhammad S.A.W. di mana para sahabat segera melantik Abu Bakar al-Siddiq sebagai khalifah selepas kewafatan Rasullullah S.A.W. Dalam konteks Kesultanan Aceh Dar al-Salam, *Bustan al-Salatin* ada menyatakan bahawa Sultan Iskandar Thani diganti oleh isterinya pada hari kematiannya iaitu hari Isnin 6hb Zulkaedah 1050 Hijrah. Al-Raniri menulis di dalam bab pertama *Bustan al-Salatin*:

Kemudian maka kerajaan Tuan Puteri Seri Alam Permaisuri pada hari itu jua, bergelar Paduka Seri Sultanah Safiatuddin Shah Berdaulat zillu ‘l-lah

fil ‘alam ibnat Sultan Raja Iskandar Muda Johan Berdaulat.(Jelani Harun 2004:368)

Hal ini menggambarkan bahawa melantik pemimpin yang baru setelah kematian raja terdahulu adalah satu kemestian. Ia telah diamalkan bahkan telah dicatat dalam sejarah Kesultanan Aceh dan Melaka.

*Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* meletakkan raja ditahap “ulil amri” (orang yang mempunyai kuasa). Justeru mereka wajib ditaati oleh rakyat. Kewajiban itu tidak gugur walaupun raja adalah seorang yang fasiq dan melakukan maksiat. Perintahnya wajib diikuti selagi bertepatan dengan syariat Islam. Persamaan ini menunjukkan pengarang-pengarang kitab tersebut konsisten dengan nasihat yang diberikan. *Bustan al-Salatin* menghurai dengan panjang lebar kewajipan mentaati pemerintah berbanding *Taj al-Salatin*. *Bustan al-Salatin* memaparkan banyak dalil al-Qur’an, Hadis dan kata-kata ulama seperti Surah ali-‘Imran:103.

Selain itu, pemilihan pemimpin dilakukan dengan dua cara, iaitu pencalonan dari ketua negara yang sebelumnya atau dengan pilihan para elit melalui lembaga perwakilan yang dipercayai oleh rakyat (seperti dalam kitab *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*). Cara yang terakhir ini dilihat sama dengan (*ahl*

*al-hal wa al-'aqd*) dalam zaman Khulafa' al-Rashidin.

### Konsep Keadilan

*Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* banyak membicarakan tentang keadilan yang merupakan salah satu daripada prinsip politik Islam. Malah, tidak keterlaluan dikatakan bahawa konsep keadilan raja merupakan tema utama ketiga-tiga kitab.

*Taj al-Salatin* membincangkan konsep keadilan terutamanya dalam fasal 6. Selain itu fasal 7 yang mengisahkan tentang raja-raja Islam yang adil dan fasal 8 yang membincangkan tentang raja-raja kafir yang adil. *Bustan al-Salatin* juga membincangkan konsep keadilan dengan jelas. Dalam bab 3 fasal 2; al-Raniri banyak menukilkan contoh kisah raja-raja dahulu untuk diambil pengajaran. Contohnya khalifah Umar al-Khattab yang sangat prihatin tentang masalah rakyat di bawah naungannya.

Jadual 1.2 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang konsep keadilan dalam pemerintahan

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Konsep keadilan	-dinyatakan dengan jelas terutamanya dalam fasal 6,7 dan 8.	-ada dinyatakan di dalam wasiat-wasiat sultan	-ada dinyatakan
	-menghuraikan keadilan berdasarkan: surah al-Nahl:90		- Dalam bab 3 fasal 2; al-Raniri menukilkan contoh kisah keadilan raja dan khalifah terdahulu seperti Umar al-Khattab -menghuraikan keadilan berdasarkan: surah al-Nahl:90

Menurut *Bustan al-Salatin* dan *Taj al-Salatin*, Allah telah menyuruh berlaku adil dan melarang daripada melakukan kezaliman. Kedua-duanya telah menghuraikan keadilan berdasarkan ayat al-

Qur'an (Surah al-Nahl, 16:90) yang maksudnya: "Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya berlaku adil dan ihsan".

Untuk bersifat adil, *Taj al-Salatin* menasihati para raja supaya bersederhana dalam makan, minum dan tidur. Ini kerana hawa nafsu berupaya memesongkan seseorang raja dari mengamalkan keadilan.

Menurut *Bustan al-Salatin* ada tiga tanda raja yang adil iaitu; pertama, menyempurnakan hak-hak Allah, hak rakyat, isteri dan anak-anak. Kedua, berdamping dengan alim ulama dan ketiga melaksanakan amar makruf nahi mungkar. Ilmu ini pengkaji dapati tiada dalam *Taj al-Salatin* dan *Sulalah al-Salatin*.

*Bustan al-Salatin* dan *Taj al-Salatin* menyatakan bahawa keadilan mesti ditegakkan dengan penuh ikhlas untuk mendapatkan keredaan Allah di dunia dan akhirat. Apabila keadilan ditegakkan, kebajikan rakyat akan terpelihara. Sultan yang adil akan sentiasa sedar, insaf dan

sangat takut dengan azab Allah yang boleh turun bila-bila masa sahaja jika dikehendakiNya. Sifat-sifat raja yang adil telah dinyatakan dalam bab kedua sebelum ini.

Konsep keadilan menurut kedua-dua kitab adalah sama. Ia mempunyai makna yang luas iaitu adil dalam menghukum dan keadilan yang dilestarikan dalam masyarakat (keadilan sosial). *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* telah membincangkan syarat-syarat menjadi raja sepertimana perbincangan ulama zaman klasik tentang syarat untuk menjadi khalifah atau imamah. Perbincangan *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tertumpu pada syarat yang perlu ada pada raja, ciri peribadi dan tanggungjawab raja. *Taj al-Salatin* membincangkan dalam fasal 5, 6, 7, 8 manakala *Bustan al-Salatin* membincangkan dalam bab 3 fasal 1, 2; bab 4 fasal 2; bab 5 fasal 1.

Jadual 1.3 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang syarat-syarat menjadi raja/sultan

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Syarat-syarat menjadi sultan/ pemimpin	1.Lelaki 2.Baligh 3.Berilmu 4.Berdamping dengan ulama 5.Melantik wazir yang baligh supaya dapat bertukar fikiran dalam semua perkara.	-tidak dinyatakan	1.Beragama Islam 2.Merdeka 3.Lelaki 4.Baligh 5.Berilmu 6.Berbangsa Quraisy



Persamaan antara *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* dapat dilihat menerusi lima perkara iaitu:

1. Lelaki
2. Baligh
3. Berilmu
4. Berakal
5. Berani

Tegasnya, kelima-lima syarat di atas sangat penting dalam pemilihan seorang sultan. Bukhari al-Jauhari dan al-Raniri mengemukakan syarat mereka yang tersendiri. Ada yang sama dan ada yang

tidak. Syarat-syarat menjadi raja dalam kitab-kitab tersebut dilihat tidak terlalu berbeza namun pengarangnya juga tidak bebas daripada tuntutan persekitaran dan ijtihad mereka.

### Kedaulatan

Kitab *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* menyatakan bahawa pemegang kedaulatan tertinggi ialah Allah S.W.T. Namun begitu menurut *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*, daulat ada pada raja manakala menurut *Sulalah al-Salatin* daulat ada pada raja, rakyat dan negara.

Jadual 1.4 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang kedaulatan

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Kedaulatan	-pemegang kedaulatan tertinggi ialah Allah S.W.T. -ada pada raja	-pemegang kedaulatan tertinggi ialah Allah S.W.T. -ada pada raja, rakyat dan negara	-pemegang kedaulatan tertinggi ialah Allah S.W.T. -ada pada raja

### Undang-undang

Undang-undang berfungsi untuk menyelesaikan masalah harian rakyat. *Taj al-Salatin* menyatakan bahawa undang-undang dan peraturan mesti ada dalam sesebuah negara. Undang-undang Islam wajib dilaksanakan oleh raja dan Qadi jika mahu keadilan ditegakkan. Al-Raniri di dalam *Bustan al-Salatin* menggesa raja

melaksanakan undang-undang Islam. Raja digalakkan memerintah mengikut kitab al-Qur'an.

Dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam, pemerintahan dijalankan menurut Undang-undang Syariah. Sumbernya berdasarkan al-Qur'an, Al-Sunnah, Ijma' para Sahabat yang diperolehi melalui Majlis Syura dan ijtihad sultan.

Jadual 1.5 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang undang-undang

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Undang-undang	-undang-undang Islam wajib dilaksanakan oleh	-undang-undang pada raja -ada undang-	-undang-undang Islam wajib dilaksanakan oleh

raja dan Qadi jika mahu ditegakkan	undang Islam dan hukum adat	raja dan Qadi
------------------------------------	-----------------------------	---------------

## Kuasa

Menurut *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*, raja merupakan autoriti tertinggi dalam pemerintahan negara. Raja memerintah dengan kuasa mutlak. Kekuasaan baginda dikukuhkan dengan cara mengaitkannya dengan asal-usul keturunannya dengan tokoh-tokoh terkenal seperti Nabi Adam dan Iskandar Zulkarnain. Dengan menyebut raja sebagai "bayang-bayang Allah di bumi" bermakna kedaulatan dan kuasanya diperolehi dari Allah, bukan dari manusia. Menurut *Taj al-Salatin*, raja berkuasa untuk menegakkan keadilan antara sesama hamba Allah berdasarkan al-Qur'an, Hadis dan Ijma' ulama.

Kepimpinan hanya dapat dilaksanakan dengan kekuasaan. Siapa yang menjadi raja

dialah yang berkuasa. Kuasa raja adalah menyeluruh termasuklah agama, ekonomi, sosial, politik dan kehakiman. Dalam mengendalikan sebuah negara dan melindunginya dari ancaman musuh baik dari dalam mahupun luar, raja memerlukan sokongan dari rakyatnya. Di sinilah kuasa diperlukan.

Dalam bidang ketenteraan, raja bertindak sebagai perancang, dan mengetuai pasukan tentera. Raja bertindak sebagai panglima tentera, ketua hakim, ketua agama dan sebagainya. Dalam hal-hal keagamaan, raja bertanggungjawab dalam pengurusan rumah ibadat, melantik ketua agama, serta upacara keagamaan. Raja berkuasa penuh dalam bidang kewangan, dan ekonomi seperti pungutan cukai, hasil pertanian, perniagaan dan semua perkhidmatan.

Jadual 1.6 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang kuasa

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Kuasa	- kuasa adalah anugerah dari Allah	-kuasa adalah anugerah dari Allah	-kuasa adalah anugerah dari Allah

Kitab *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* menyatakan bahawa raja dan pegawainya mempunyai kuasa atas rakyat. Oleh itu, mereka mesti menggunakan kuasa tersebut dengan betul dan adil.

## Kepimpinan Wanita

Menjadi sultan dalam sesebuah kerajaan adalah berat dan besar tanggungjawabnya. Menurut *Bustan al-Salatin*, wanita boleh menjadi sultanah dengan syarat mempunyai darah dan keturunan raja. *Taj al-Salatin* pula

berpendapat bahawa wanita tidak boleh jadi pemimpin negara kecuali terpaksa; jika tiada lelaki yang layak dan dengan syarat-syarat yang tertentu. Dalam isu kedudukan wanita dalam politik, Bukhari al-Jauhari mencadangkan kepemimpinan tertinggi adalah milik lelaki manakala al-Raniri menyokong kepemimpinan wanita dengan syarat calon mestilah mempunyai darah dan keturunan raja. Walaubagaimanapun menurut *Taj al-Salatin*, melihat kepada keperluan, situasi dan keadaan, jika tiada lelaki yang layak, barulah wanita boleh memegang jawatan

sultanah dengan beberapa syarat tertentu. Selagi ada lelaki yang layak, hal ini tidak

digalakkan oleh Bukhari al-Jauhari kerana wanita mempunyai kelemahan semulajadi berbanding lelaki.

Jadual 1.7 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang kepimpinan wanita

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Kepimpinan wanita	- wanita tidak boleh jadi ketua negara kecuali terpaksa Allah	-tidak bincang tentang kedudukan wanita - tugas tradisi wanita adalah sebagai pembantu lelaki	-menyokong kepimpinan wanita dengan syarat mempunyai darah dan keturunan raja.

### Wazir/ Menteri

*Taj al-Salatin* membincangkan tentang menteri dalam fasal 10 manakala *Bustan al-Salatin* dalam bab 3 fasal 4. *Taj al-Salatin* menggunakan istilah menteri, *Sulalah al-Salatin* menggunakan istilah Bendahara manakala *Bustan al-Salatin* menggunakan istilah menteri dan wazir. Penggunaan wazir dalam *Bustan al-Salatin* sebenarnya mendapat pengaruh Bani Abbasiyah kerana ia hanya digunakan pada zaman Khalifah Abbasiyah yang beribu kota di Baghdad.

*Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* menggunakan ayat al-Qur'an yang sama tentang keperluan jawatan menteri; iaitu Surah Taha, 20:29-30. Menurut *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*, jawatan wazir dan menteri diwujudkan untuk membantu raja dalam urusan pemerintahan negara. Mereka adalah pembantu raja yang paling kanan dalam menjalankan urusan pentadbiran atau kuasa eksekutif bagi sesebuah negara.

Jadual 1.8 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang Wazir/ Menteri

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Wazir/ Menteri	-menggunakan istilah menteri dan membincangkan tentang menteri dalam fasal 10 -menggunakan ayat al-Qur'an Surah Taha, 20:29-30 tentang keperluan jawatan menteri. -perlu pilih calon	-menggunakan istilah Bendahara -tiada fasal khusus membincangkan tentang Bendahara -Bendahara dibantu oleh Laksamana, Temenggung, Syahbandar dan Penghulu Bendahari. -Bendahara yang	-menggunakan istilah menteri dan wazir dan membincangkan tentang menteri dalam bab 3 fasal 4. -menggunakan ayat al-Qur'an Surah Taha, 20:29-30 tentang keperluan jawatan

yang berakhlak mulia.	bijak seperti Tun Perak menjadi pemangkin kepada kegemilangan sesebuah kerajaan.	menteri. -jawatan wazir kerana beliau menjadi penasihat kepada sultan. -perlu pilih calon yang tepat.
-----------------------	--	---

Berasaskan penjelasan di atas, *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* dilihat lebih menekankan tentang kualiti akhlak menteri. Namun begitu kedua-dua kitab bersetuju bahawa jika menteri baik, berakhlak mulia dan bijaksana, negara akan aman dan

makmur. Sebaliknya, jika menteri jahat dan zalim, negara akan menjadi huru-hara dan mungkin menyebabkan keruntuhan sesebuah kerajaan. *Taj al-Salatin* menyenaraikan 27 syarat dalam fasal 10 manakala *Bustan al-Salatin* menyenaraikan 22 syarat dalam bab 4 fasal 3.

Jadual 1.9 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalat us-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang syarat-syarat menjadi Wazir/ Menteri

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Syarat-syarat menjadi Wazir/ Menteri	-menyenaraikan 27 syarat menjadi Wazir dalam fasal 10	-tidak dinyatakan secara jelas; walaupun begitu yang penting adalah; -lelaki -Islam -baligh -berakal -bijaksana -tua dan matang	- menyenaraikan 22 syarat dalam bab 4 fasal 3

Syarat yang diberi oleh Bukhari al-Jauhari dan al-Raniri untuk dilantik ke jawatan menteri adalah sangat detil. Jelaslah di sini bahawa hanya orang yang terbaik di sesebuah negara sahaja yang layak dilantik sebagai menteri. Antara syarat tersebut ialah:

1. Bertakwa
2. Melakukan Amal Saleh

3. Tidak Derhaka Kepada Allah S.W.T.
4. Mengutamakan Keredaan Allah S.W.T.
5. Berhemah Tinggi
6. Tidak Melakukan Perbuatan Yang Boleh Menjatuhkan Maruah Sebagai Wazir
7. Bertanggungjawab Menjaga Khazanah Raja Dan Berusaha Menambahnya
8. Bertindak Sebagai Penasihat Raja
9. Bertanggungjawab Atas Keselamatan Negara

10. Memastikan Raja Tidak Bergaul Dengan Ahli Bidaah
11. Memelihara Kebaikan Raja
12. Hormat Dan Setia Kepada Raja
13. Jauhi Sifat Takbur
14. Menjadi Perantara Dalam Menyampaikan Hajat Rakyat
15. Bermesyuarat Dengan Pembesar

Keadaan ini juga memberi petunjuk kepada kita bahawa jawatan menteri adalah sangat

penting untuk sesebuah kerajaan. Keutamaan diberikan kepada calon yang bertakwa, baik akhlakunya dan bijaksana.

### Syarat-syarat Menjadi Qadi

Antara kedua-dua kitab, hanya *Bustan al-Salatin* yang membincangkan tentang syarat-syarat menjadi Qadi. Al-Raniri membincangkannya dalam bab 3 fasal 3. Berikut adalah syaratnya iaitu:

Jadual 1.10 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang syarat-syarat menjadi Qadi

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Syarat-syarat menjadi Qadi	-tidak dinyatakan	-tidak dinyatakan -Biasanya orang alim berketurunan Nabi Muhammad S.A.W. dari Tanah Arab dilantik menjadi Qadi.	- Syarat-syarat menjadi Qadi ada dibincangkan dalam bab 3 fasal 3 iaitu: 1. Islam 2. Berakal 3. Merdeka 4. Lelaki 5. Adil 6. Melihat 7. Berkata-kata dengan baik 8. Mujtahid; berpengetahuan mendalam tentang syariat Islam dan menguasai ilmu-ilmu asas.

Bukhari al-Jauhari tidak membincangkan tentang syarat menjadi Qadi kerana mungkin beliau tidak melihat kerelevanan jawatan tersebut berbanding dengan al-Raniri yang memegang jawatan Qadi Malikul Adil semasa pemerintahan Sultan Iskandar Thani. Al-Raniri mengemukakan lapan syarat untuk menjadi Qadi. Menurut beliau lagi, seorang

Qadi mesti menggunakan hukum Allah S.W.T. dalam tugas sehariannya.

### Rakyat

Menurut *Taj al-Salatin*, rakyat yang hidup di bawah naungan negara dan kerajaan Islam terbahagi kepada dua iaitu rakyat yang beragama Islam dan rakyat yang bukan

beragama Islam. *Taj al-Salatin* membincangkan tentang hak-hak rakyat yang beragama Islam dan yang bukan beragama Islam dalam fasal 20 dan 21 (Bukhari al-Jauhari 2001:223-237). *Bustan*

*al-Salatin* tidak membincangkan tentang perkara ini secara khusus tetapi menyatakan bahawa raja tidak boleh menzalimi rakyatnya kerana sifat zalim hanya akan membawa padah.

Jadual 1.11 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang rakyat

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Rakyat	- dibincangkan dalam fasal 20 dan 21	-tidak dibincangkan secara khusus	-tidak dibincangkan secara khusus

Bukhari al-Jauhari mungkin melihat bahawa topik perbincangan ini sangat penting dan relevan. Dalam sesebuah kerajaan pasti ada penduduk yang bukan Islam. Oleh itu, *Taj al-Salatin* membuat perhitungan yang tepat dalam membincangkan tajuk ini untuk memberi panduan kepada raja berbanding *Bustan al-Salatin*.

### Hubungan dengan Kerajaan Luar

*Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* ada menyatakan tentang hubungan dengan

kerajaan luar. Hubungan tersebut biasanya dibuat melalui perdagangan, hubungan diplomatik, penaklukan dan perkahwinan. Bukhari al-Jauhari hanya membincangkan tentang hubungan diplomatik sahaja dalam *Taj al-Salatin* berbanding *Bustan al-Salatin* tetapi dalam sejarah, Kesultanan Aceh Dar al-Salam diketahui telah membuat hubungan dengan kerajaan luar melalui perdagangan, penaklukan, perkahwinan dan hubungan diplomatik.

Jadual 1.12 Perbandingan antara kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* tentang hubungan luar

	<i>Taj al-Salatin</i>	<i>Sulalah al-Salatin</i>	<i>Bustan al-Salatin</i>
Hubungan luar	- ada dibincangkan -hubungan adalah melalui surat dan wakil raja (hubungan diplomatik)	-ada dibincangkan -hubungan adalah melalui perdagangan, penaklukan, perkahwinan dan hubungan diplomatik	- ada dibincangkan -hubungan adalah melalui perdagangan, penaklukan, perkahwinan dan hubungan diplomatik

Melalui hubungan diplomatik misalnya, sesebuah kerajaan itu biasanya diiktiraf oleh kerajaan lain yang lebih kuat. Misalnya Kesultanan Melayu Melaka membuat hubungan diplomatik dengan negara China dan kerajaan Aceh membuat hubungan diplomatik dengan Kerajaan Islam Uthmaniyyah di Turki. Hubungan persahabatan Melaka dengan China ini bererti Melaka mendapat pengiktirafan dan perlindungan China daripada ancaman musuh. Begitu juga dengan Kesultanan Aceh Dar al-Salam yang mendapat bantuan, pengiktirafan dan perlindungan dari Kerajaan Khalifah Uthmaniyyah di Turki.

### Kesimpulan

Kesimpulannya, pemikiran ketatanegaraan di dalam kitab yang bertemakan *Salatin* dilihat mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan. Ada pemikiran pengarang kitab tersebut yang sama antara satu sama lain dan ada yang berbeza. Perbezaannya tidak ketara malahan amat kecil. Di sini, latarbelakang pengarang, persekitaran dan budaya penulisan di abad ke 17 M pada pendapat pengkaji banyak memberi sumbangan kepada keadaan tersebut.

### Rujukan

- A. Samad Ahmad (pngr.). 2010. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi, W.M. 2001. *Tasawuf yang Tertindas*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Abdul Wahab Ali. 1970. Perbezaan antara Sejarah Melayu dengan Hikayat Raja-raja Pasai. *Dewan Bahasa* November: 50-54.
- Aidil Farina Omar. 2002. Sheikh Nur al-Din al-Raniri: A Study of His Career and *Bustan al-Salatin*. Tesis M.A. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- al-Ghazali. 2006. *Nasihat al-Muluk (Nasihat kepada Raja-raja)*. Jelani Harun (pngr.). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Mawardi, al-Basri, Abu al-Hasan bin Muhammad bin Habib. 1993. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Terj. Uthman Khalid. Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam.
- al-Raniri, Nuruddin. 2004. *Bustan al-Salatin*. Jelani Harun (pngr). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussain Othman. 2008. *Malay Historical Thought*. Batu Pahat: Penerbit UTHM
- Idris Zakaria. 2004. Gejala Sosial dalam Teks Sejarah Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Jil. 1 (3) Jun:178-191.
- Jelani Harun. 2004. Pemikiran Melayu Tentang Keadilan Raja: Satu Analisis Berdasarkan Karya Adab Ketatanegaraan. Dlm. Worawit Baru Haji Ahmad Idris (pngr.). *Pemikiran Melayu Tradisi dan Kesenambungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2009. *Bustan al-Salatin (The Garden of Kings): A Malay Mirror for*

*Rulers.* Pulau Pinang: Penerbit  
Universiti Sains Malaysia.

Khalid M. Hussain (pngr.). 1992. *Taj Us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Haji Salleh (pngr.). 2001. *Bustan al-Salatin*. Yayasan Warisan Johor.

Pakih, Surianah. 1999. *Pemikiran Politik Islam dalam Taj Al-Salatin dan Bustan Al-Salatin : Satu Perbandingan Konsep*. Tesis M.A. Universiti Malaya.

Siti Hawa Haji Salleh. 2010. *Malay Literature of the 19th Century*. Kuala

Lumpur: Institut Terjemahan Nasional Malaysia Berhad.

Wan Mohd Saghir Abdullah. 2004. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Zainal Kling 1993. *Asas Ketuhanan dalam Pemikiran Sosiopolitik Melayu*. Dlm Tamadun Melayu. Ismail Hussein (pngr.). Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zubir Idris. 2011. *Etnosentrisme Melayu dalam Sulalatus Salatin*. *Jurnal Melayu* 7: 107-120.